

# UMS teruskan kerjasama dengan Niosh wujud kesedaran keselamatan tempat kerja

Larissa Lumandan DE 16-10-14 3

KOTA KINABALU: Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) digesa untuk meneruskan kerjasamanya dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja Kebangsaan (Niosh) untuk mewujudkan lebih banyak kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan para pekerja.

Dekan fakulti, Profesor Dr Ismail Ibrahim menyatakan ini ketika melancarkan Minggu Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja di Auditorium Mini Fakulti Psikologi dan Pendidikan, di sini pada Rabu.

Amalan pertolongan cemas menurut beliau bukalah kali pertama diadakan di fakulti itu.

"Bagaimanapun, saya masih percaya terdapat ramai di kalangan kita yang tidak sedar dengan prosedur-prosedur tepat dari segi keselamatan

pertolongan cemas," katanya, sambil menambah, demonstrasi pertolongan cemas memberikan pengalaman berharga kepada kakitangan dan pelajar terutama dalam soal menyelamatkan nyawa.

Demonstrasi tersebut tidak menjadikan mereka profesional namun sekurang-kurangnya mereka tahu bagaimana untuk bertindak balas semasa keadaan kecemasan, katanya.

Ismail turut berkata bahawa pihak pengurusan tertinggi universiti itu memberikan perhatian serius terhadap pembangunan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja universiti itu.

"Oleh sebab itu, pengarah-pengarah institusi dan dekan fakulti diminta untuk mempunyai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan masing-masing," katanya, menambah, tindakan itu adalah selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 1994 (Akta 514).